

THE LEVEL OF SATISFACTION OF KUIPSAS MOSQUE CONGREGATION IN TOWARDS THE IMPLEMENTATION OF FRIDAY PRAYER DURING THE MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO)

TAHAP KEPUASAN JEMAAH MASJID KUIPSAS DALAM PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT KETIKA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Shupian Majid¹, Ahmad Effat Mokhtar², Fahmi Zaidi Abd Razak³ & Norillah Abdullah Hassim⁴

^{1&4}Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

²Jabatan Dakwah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

³Jabatan Perniagaan, Fakulti Pengurusan dan Informatik, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah

Abstract

The mosque is a religious institution that plays an important role in uniting the community apart from its main role as a place for Muslims to perform prayers. The mosque not only serves as a place to perform prayers but also as a center for the dissemination of knowledge, especially Islamic knowledge. The excitement liveliness of the mosque during the COVID-19 pandemic became very restricted. The Muslim population in Malaysia had gone through the phase of congregational attendance to the mosque for a relatively long period of time, which was more than 3 months. This situation will cause the existing congregation to become accustomed to the situation of prayer at home and cause the motivation to return to the mosque to be less and less. Among the proactive measures that can be implemented by the mosque administrator during the period of the Movement Control Order (MCO) to restore the motivation of the congregation to return to the surau/mosque was to ensure that the congregation's satisfaction with the management of the mosque was at the optimum level. Therefore, there was a need to study the level of satisfaction of mosque worshipers when attending congregation during the MCO. This study aims to identify the level of satisfaction of mosque worshipers to congregate at the KUIPSAS mosque during the MCO. This study used a quantitative approach to answer the research questions. Data were collected using non-probability sampling which was specifically simple sampling and the number of samples successfully obtained was 83 respondents. Data analysis in this study involved descriptive analysis such as percentages and averages. The results showed that the level of satisfaction with the 16 dimensions of mosque management was very satisfactory, ranging from 92.5 percent to 97.5 percent. This study was able to provide an initial picture of the satisfaction of the congregation when attending congregational prayers during the MCO.

Keywords: Satisfaction level, Mosque Congregation, Friday Prayer, Movement Control Order (MCO)

Abstrak

Masjid merupakan sebuah institusi keagamaan yang memainkan peranan penting dalam menyatupadukan masyarakat selain daripada peranan utamanya sebagai tempat umat Islam menunaikan ibadah solat. Masjid bukan sahaja berperanan sebagai tempat menunaikan ibadah solat malah menjadi pusat penyebaran ilmu terutamanya ilmu-ilmu Islam. Pengimaran

Perkembangan Artikel

Diterima: 07 Jun 2021

Disemak: 30 Oktober 2021

Diterbit:

*Corresponding Author:

Shupian Majid, Jabatan
Bahasa Arab, Fakulti
Pengajian Islam, Universiti
Islam Pahang Sultan Ahmad
Shah

E-mel:

mshupian@unipsas.edu.my

masjid ketika berlangsungnya pandemik COVID19 menjadi sangat terhad. Penduduk Islam di Malaysia telah melalui fasa kehadiran berjemaah ke masjid pada jangka waktu yang agak lama iaitu melebihi 3 bulan. Keadaan ini akan menyebabkan para jemaah sedia ada akan terbiasa dengan situasi solat di rumah dan menyebabkan motivasi untuk kembali berjemaah ke masjid menjadi semakin berkurang. Antara langkah proaktif yang boleh dilaksanakan oleh pihak pentadbir masjid ketika tempok Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengembalikan semula motivasi jemaah untuk kembali berjemaah di surau/masjid adalah dengan memastikan kepuasan jemaah terhadap masjid berada pada tahap optimum. Oleh yang demikian itu, wujud keperluan untuk mengkaji tahap kepuasan jemaah masjid ketika hadir berjemaah di musim PKP. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kepuasan jemaah masjid untuk berjemaah di masjid KUIPSAS ketika musim PKP. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menjawab persoalan kajian. Data dikutip menggunakan persampelan bukan kebarangkalian iaitu secara spesifiknya persampelan mudah dan jumlah sampel yang berjaya diperolehi ialah 83 responden. Analisis data dalam kajian ini melibatkan analisis deskriptif seperti peratusan dan purata. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kepuasan terhadap 16 dimensi pengurusan masjid adalah sangat memuaskan iaitu bermula daripada 92.5 peratus sehingga 97.5 peratus. Kajian ini berupaya memberikan gambaran awal tentang kepuasan para jemaah ketika hadir solat berjemaah ketika musim PKP.

Kata Kunci: *Tahap kepuasan, Jemaah Masjid, Solat Jumaat, Perintah Kawalan Pergerakan(PKP)*

PENGENALAN

Masjid mempunyai peranan yang sangat penting dalam membangunkan rohani masyarakat. Wahab et al. (2017) menyatakan bahawa masjid bukan sekadar tempat beribadah, malah sebagai pusat kegiatan keilmuan yang menjadi rujukan utama berkaitan hal ehwal agama.

Mokhtar dan Sa'ari (2015) mengatakan bahawa masjid juga memainkan peranan yang besar dalam membimbing dan membentuk masyarakat dengan penganjuran pelbagai program ilmu. Manakala Basri (2018) pula menyatakan bahawa masjid bukanlah semata-mata tempat beramal ibadah malah ia turut berperanan sebagai pusat pengembangan sosial masyarakat (*social of change*). Pandangan beliau disokong oleh Hussin, (2012) yang berpandangan bahawa masjid tidak terhad kepada pusat ibadat semata-mata sebaliknya ia memainkan peranan yang luas dan mencakupi aspek pentadbiran negara, ekonomi, sosial, keselamatan, pendidikan, perluasan agama dan sebagainya. Keadaan ini telah menjadikan institusi masjid sebagai pusat rujukan atau pusat setempat kepada ummah. Menurut Nurhayati (2018) masjid juga hendaklah terpelihara fizikalnya agar jemaah merasa nyaman dan khusyuk semasa melaksanakan ibadah. Ashaari dan Mokhtar (2018) pula mengatakan bahawa pihak pentadbiran masjid perlu melakukan penambahbaikan dalam beberapa aspek terutamanya aspek pengurusan bagi menghasilkan sistem pengurusan yang lebih efektif dan mempelbagaikan penganjuran aktiviti bagi menarik kehadiran yang lebih ramai ke masjid dan memberikan kepuasan yang maksima kepada jemaah yang hadir.

Memetik pandangan Mokhtar dan Sa'ari (2015) bahawa masjid juga memainkan peranan yang besar dalam membimbing dan membentuk masyarakat dengan penganjuran pelbagai program ilmu. Menurut Basri (2018) pula masjid bukanlah semata-mata tempat beramal ibadah malah ia turut berperanan sebagai pusat pengembangan sosial masyarakat

(*social of change*). Pandangan beliau disokong oleh Hussin, (2012) bahawa masjid tidak terhad kepada pusat ibadat semata-mata sebaliknya ia memainkan peranan yang luas dan mencakupi aspek pentadbiran negara, ekonomi, sosial, keselamatan, pendidikan, perluasan agama dan sebagainya. Keadaan ini telah menjadikan institusi masjid sebagai pusat rujukan atau pusat setempat kepada ummah. Di samping itu, Nurhayati (2018) mengatakan masjid juga hendaklah terpelihara fizikalnya agar jemaah merasa nyaman dan khushyuk semasa melaksanakan ibadah. Sehubungan itu, pihak pentadbiran masjid perlu melakukan penambahbaikan dalam beberapa aspek terutamanya aspek pengurusan bagi menghasilkan sistem pengurusan yang lebih efektif dan mempelbagaikan penganjuran aktiviti bagi menarik kehadiran yang lebih ramai ke masjid dan memberikan kepuasan yang maksima kepada jemaah yang hadir dalam petikan Ashaari dan Mokhtar (2018).

Sayangnya, masih banyak pengurus masjid yang belum mampu memberikan layanan yang maksima kepada jemaah masjidnya. Indikator keberhasilan memakmurkan masjid di antaranya adalah dengan kepuasan jemaah masjid. Apabila jemaah puas, maka masjid akan menjadi makmur dan peranan serta fungsi masjid mampu diperluaskan (Warsino, 2018).

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang mengkaji tentang tahap kepuasan jemaah terhadap masjid. Antara kajian tersebut ialah kajian Pasaribu dan Krisnaldy (2018) yang mengkaji kepuasan jemaah di masjid di Indonesia. Menurut kajian Ashaari & Mokhtar (2018) pihak pengurusan masjid perlu melakukan penambahbaikan dalam beberapa aspek yang dicadangkan terutamanya aspek pengurusan dan penganjuran pelbagai aktiviti bagi menarik kehadiran yang lebih ramai ke masjid. Kajian Majid dan Guleng (2016) mendapati bahawa terdapat beberapa pendekatan dakwah dan medium dakwah yang relevan digunakan oleh institusi masjid sebagai alat dakwah kepada masyarakat multi etnik seperti di Malaysia.

Menurut Ahmad Sarwono (2003) kehadiran masyarakat ke masjid boleh dijadikan tanda aras kepada tahap kekukuhan masyarakat dengan pegangan agama. Al-Quran (9: 18) menegaskan bahawa memakmurkan masjid merupakan salah satu amalan yang membuktikan keimanan seseorang kepada Allah. Kegagalan umat Islam memenuhi tuntutan kehadiran kepada masjid bukan sahaja membawa kepada kelemahan iman, tetapi ia akan membawa kepada kerosakan masyarakat itu sendiri. Roslan Mohamad 2003; Rizam Tambi Chik et al. (2010) mendapati bahawa kehadiran ini tinggi pada hari Jumaat dan pada beberapa acara sambutan tertentu sahaja. Kajian Mahayudin Abu Bakar (2007) yang dilakukan di Masjid Negara, Muhammad Sulong (2002) di Masjid Saidina Osman di Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur dan Mohamad Azrien Mohamad Adnan et al. (2010) di Masjid Mukim Paya Lada, Ketereh mendapati ahli jemaah veteran atau golongan pesara lebih mendominasi kehadiran jemaah ke masjid sama ada untuk menghadiri kuliah maghrib mahupun untuk solat fardu lima waktu berbanding dengan golongan remaja dan muda. Kajian itu juga turut menyatakan bahawa jumlah orang Islam yang hadir ke masjid adalah sedikit berbanding dengan jumlah masyarakat di sekitarnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kepuasan para jemaah masjid KUIPSAS ketika berlangsungnya PKP. Reka bentuk kuantitatif ialah reka bentuk yang bersesuaian dengan

objektif kajian ini. Instrumen yang digunakan untuk mengukur kepuasan responden ialah soal selidik. Skala yang digunakan dalam soal selidik ini adalah skala *Likert 5* skala, yang bermula daripada 1, sangat tidak setuju sehingga 5, sangat setuju. Terdapat enam belas dimensi yang mengukur kepuasan responden iaitu kebersihan, layanan urus setia sambut kehadiran petugas pintu kampus, petugas pintu masjid, urus setia sepanjang pelaksanaan solat, parkir, medium pendaftaran, cara pelaksanaan dari mula hingga selesai, prasarana, tempoh pelaksanaan, berdasarkan SOP, maklumat pelaksanaan yang jelas, pengurusan perjalanan solat oleh urus setia, imam, khatib dan bilal, cadangan kepada orang lain dan kepuasan keseluruhan. Data kajian dikutip menggunakan kedah pensampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*) iaitu pensampelan mudah (*convenience sampling*). Pensampelan ini dipilih kerana penyelidik tidak mempunyai akses kepada populasi jemaah masjid KUIPSAS. Bilangan responden yang berjaya diperoleh adalah sebanyak 82 orang responden sahaja. Medium yang digunakan untuk kutipan data adalah dengan menggunakan *google form* dan pengedaran berlangsung selama dua minggu. Setelah mendapati tiada peningkatan pulangan soal selidik, selepas dua minggu, maka penyelidik telah menutup akses kepada borang soal selidik tersebut. Etika kajian telah menetapkan bahawa responden perlu terlebih dahulu dijelaskan dan kebenaran perlu diperoleh. Oleh yang demikian itu, penyelidik telah menulis pernyataan untuk mendapatkan kebenaran daripada responden sebelum responden terus menjawab soal selidik.

ANALISIS DATA

Jadual 1: Umur responden jemaah Masjid KUIPSAS

Umur	Bilangan	Peratusan
26-35 tahun	11	13.4
36-45 tahun	34	41.5
46-55 tahun	29	35.4
56-65 tahun	7	8.5
66 tahun dan ke atas	1	1.2
Keseluruhan	82	100.0

Jadual 1 menunjukkan tentang taburan umur responden yang terdiri daripada jemaah KUIPSAS yang menghadiri solat Jumaat ketika tempoh PKP 2020. Majoriti daripada responden terdiri daripada jemaah yang berumur 36-45 tahun iaitu sebanyak 41.5%. Bilangan yang kedua terbanyak terdiri daripada golongan yang berumur 46-55 tahun iaitu sebanyak 35.4%. Seterusnya diikuti oleh golongan yang berumur 26-35 tahun iaitu sebanyak 13.4 %. Golongan yang berumur 56-65 tahun pula adalah sebanyak 8.5% dan golongan umur yang paling sedikit adalah 66 tahun ke atas iaitu 1.2%.

Jadual 2: Tahap pendidikan responden jemaah Masjid KUIPSAS

Tahap pendidikan	Bilangan	Peratusan
SPM	11	13.4
STPM/STAM	2	2.4
Diploma	17	20.7
Ijazah Sarjana Muda	26	31.7
Ijazah Sarjana	17	20.7
Doktor Falsafah	4	4.9
SRP/PMR	2	2.4
Lain-lain	3	3.7
Keseluruhan	82	100.0

Jadual 2 di atas menunjukkan responden kajian ini terdiri daripada mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang paling rendah ialah di peringkat SRP/PMR sehingga ke tahap doktor falsafah. Responden yang tertinggi menyatakan kepuasan perkhidmatan masjid ketika PKP ialah mereka yang mempunyai pendidikan di tahap ijazah sarjana muda iaitu sebanyak 31.7% manakala tahap kepuasan yang paling rendah iaitu 2.4% diperoleh daripada responden yang mempunyai tahap pendidikan SRP/PMR/STPM dan STAM.

Jadual 3: Status Jemaah Masjid KUIPSAS semasa PKP (Ahli Kariah atau Bukan Ahli Kariah)

Status kariah	Bilangan	Peratusan
Tidak	47	57.3
Ya	35	42.7
Keseluruhan	82	100.0

Jadual 3 menunjukkan status jemaah Masjid KUIPSAS yang hadir menunaikan solat berjemaah dalam tempoh PKP sama ada mereka adalah penduduk kariah atau tidak. Dapatan menunjukkan bahawa peratus ahli jemaah yang bukan daripada penduduk kariah adalah lebih ramai hadir bersolat jemaah di Masjid KUIPSAS iaitu sebanyak 57.3% berbanding ahli jemaah yang merupakan penduduk kariah iaitu hanya 42.7%.

Jadual 4: Status Jemaah Masjid KUIPSAS semasa PKP (Bujang atau Berkahwin)

Status perkahwinan	Bilangan	Peratusan
berkahwin	80	97.6
bujang	2	2.4

Total	82	100.0
-------	----	-------

Jadual 4 menunjukkan status jemaah Masjid KUIPSAS yang hadir menunaikan solat berjemaah dalam tempoh PKP sama ada mereka masih bujang atau telah berkahwin. Dapatan menunjukkan bahawa peratus ahli jemaah yang telah berkahwin adalah lebih ramai hadir bersolat jemaah di Masjid KUIPSAS iaitu sebanyak 97.6% berbanding ahli jemaah yang masih bujang iaitu hanya 2.4%.

Jadual 5: Dimensi Tahap Kepuasan Jemaah Masjid KUIPSAS

Pernyataan	Item															
	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9	P10	P11	P12	P13	P14	P15	P16
sangat tidak setuju	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.3	1.2	2.4	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	2.5
tidak setuju	0	0	0	0	0	0	1.2	0	0	0	1.2	0	0	0	1.2	0
Neutral	2.5	1.2	2.4	2.4	2.4	0	4.9	2.4	2.4	1.2	0	3.7	1.2	1.2	1.2	0
Setuju	19.8	15.9	13.4	14.6	17.1	21.5	20.7	14.6	19.5	18.3	12.2	17.1	12.2	11.0	8.5	7.4
sangat setuju	76.5	81.7	82.9	81.7	79.3	77.2	72.0	80.5	76.8	79.3	85.4	78.0	85.4	86.6	87.8	90.1
Keseluruhan	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100
Jumlah																
peratusan setuju dan sangat setuju	96.3	97.6	96.3	96.3	96.4	95.1	92.7	95.1	96.3	97.6	97.6	95.1	97.6	97.6	96.3	97.5

Nota: P1: Kebersihan, P2: Layanan urus setia sambut kehadiran; P3: petugas pintu kampus; P4: petugas pintu masjid; P5: urus setia sepanjang pelaksanaan solat; P6: parkir; P7: medium pendaftaran; P8: cara pelaksanaan dari mula hingga selesai; P9: prasarana; P10: tempoh pelaksanaan; P11: berdasarkan SOP; P12: maklumat pelaksanaan yang jelas; P13: pengurusan perjalanan solat oleh urus setia; P14: imam, khatib dan bilal; P15: cadangan kepada orang lain; P16: keseluruhan.

Jadual 5 menunjukkan dimensi tahap kepuasan jemaah masjid KUIPSAS terhadap kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh Masjid KUIPSAS sepanjang tempoh PKP. Elemen-elemen yang dinilai dilabelkan dengan P1 sehingga P16. Elemen P1 yang menunjukkan tentang kebersihan memperoleh kepuasan sebanyak 96.3%. Manakala Elemen P2 yang menggambarkan tentang layanan urus setia sambut kehadiran memperoleh peratus kepuasan sebanyak 97.6%, elemen P3 yang menggambarkan tentang petugas pintu kampus memperoleh peratus kepuasan sebanyak 96.3%. Ada pun elemen P4 yang menggambarkan tentang petugas pintu masjid memperoleh peratus kepuasan sebanyak 96.3%, elemen P5 yang menggambarkan tentang urus setia sepanjang pelaksanaan solat memperoleh peratus kepuasan sebanyak 96.4%, elemen P6 yang menyatakan tentang parkir memperoleh peratus kepuasan sebanyak 95.1%, elemen P7 yang menyatakan tentang medium pendaftaran memperoleh peratus kepuasan sebanyak 92.7%, elemen P8 yang menyatakan tentang cara pelaksanaan dari mula hingga selesai memperoleh peratus kepuasan sebanyak 95.1%, elemen P9 yang menyatakan tentang prasarana memperoleh peratus kepuasan sebanyak 96.3%, elemen P10 yang menyatakan

tentang tempoh pelaksanaan memperoleh peratus kepuasan sebanyak 95.1%, elemen P11 yang menyatakan tentang berdasarkan (pematuhan terhadap) SOP memperoleh peratus kepuasan sebanyak 97.6%, elemen P12 yang menyatakan tentang maklumat pelaksanaan yang jelas memperoleh peratus kepuasan sebanyak 95.1%, elemen P13 yang menyatakan tentang pengurusan perjalanan solat oleh urus setia memperoleh peratus kepuasan sebanyak 97.6%, elemen P14 yang menyatakan tentang imam, khatib memperoleh peratus kepuasan sebanyak 97.6%, elemen P15 yang menyatakan tentang cadangan kepada orang lain memperoleh peratus kepuasan sebanyak 96.3% dan elemen P16 yang menyatakan tentang kepuasan terhadap kualiti perkhidmatan yang disediakan memperoleh peratus kepuasan sebanyak 97.5%.

PERBINCANGAN

Masjid merupakan institusi Islam yang berdepan dengan cabaran dan permasalahan. Cabaran utama dalam menggerakkan institusi ini adalah menarik masyarakat Islam untuk sentiasa dekat dengan masjid dan membuang persepsi negatif terhadap institusi masjid. Justeru, cabaran tersebut perlu dihadapi dengan bijak terutamanya oleh pihak yang terlibat secara langsung dengan organisasi masjid ini.

Hasil penelitian, pembacaan dan pemerhatian untuk menjadikan masjid sebagai tempat tumpuan masyarakat merupakan agenda bersama dan ia perlu digerakkan oleh semua pihak, bukan hanya pihak pentadbir masjid semata-mata. Justeru, kesungguhan, komitmen semua pihak ditagih bagi merealisasikan masjid sebagai tempat tumpuan masyarakat tanpa mengira latar belakang, warna kulit, pangkat dan darjat.

Secara keseluruhan tahap kepuasan jemaah masjid KUIPSAS terhadap pelaksanaan solat berjemaah di Masjid KUIPSAS semasa PKP sangat memuaskan dengan skor sebanyak 97.5%. Pencapaian ini adalah disebabkan oleh kesungguhan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak urus setia masjid bertugas pada hari tersebut, santun budi bahasa yang ditunjukkan kepada jemaah yang hadir di samping perkhidmatan keperluan prasarana yang lengkap telah disediakan oleh pihak pentadbiran masjid ditambah dengan para pegawai masjid yang terdiri daripada imam, bilal dan siak yang dapat menjalankan tugas secara komited dan menepati piawaian SOP yang telah ditetapkan dalam tempoh PKP.

Pengurusan masjid dilihat telah dapat memberikan khidmat terbaik meliputi aspek-aspek kebersihan, layanan urus setia sambut kehadiran petugas pintu kampus, petugas pintu masjid, urus setia sepanjang pelaksanaan solat, parkir, medium pendaftaran, cara pelaksanaan dari mula hingga selesai, prasarana, tempoh pelaksanaan, berdasarkan SOP serta maklumat pelaksanaan yang jelas.

Diharapkan semoga kajian ini dapat menjadi panduan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung terutamanya para pentadbir masjid dan berusaha untuk memperbaiki kelemahan seterusnya merangka dan merancang penambahbaikan yang berkesan bagi mengekalkan hubungan erat antara masjid dan masyarakat Islam.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan solat berjemaah di Masjid KUIPSAS semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) adalah sangat memuaskan. Semoga dapatan kajian ini memberi motivasi kepada pihak pentadbir masjid KUIPSAS untuk

terus mengekalkan prestasi yang cemerlang seterusnya mampu menjadi teladan kepada pentadbiran masjid-masjid lain di Negeri Pahang. Memperlihatkan kecemerlangan dalam semua aspek hidup termasuk aspek pelaksanaan dan pengurusan ibadah adalah sebahagian daripada tuntutan Islam yang pastinya akan mengundang keredaan Allah SWT.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Ashaari, M. F., & Mokhtar, F. (2018). Pandangan Imam dan Pentadbir Masjid tentang kehadiran masyarakat ke Masjid (The View of Imam and Management of Mosques on the Community Attendance to the Mosque). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 10(2), 205–223.
- Hussin, M. Y. M., Muhammad, F., Razak, A. A., Habidin, N. F., Mohamad, S. I. S., & dan Ekonomi, F. P. (2012). Eksplorasi Dana Kewangan Masjid di Negeri Perak. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII*, 1275.
- Nurhayati, N. (2018). Implementasi Manajemen Riayah dalam Meningkatkan Kenyamanan Jamaah. *Tadbir: Jurnal Manajemen Dakwah*, 3(2), 17–34.
- Pasaribu, V. L. D., & Krisnaldy, K. (2018). Analisis kepuasan jama'ah pada kinerja dewan kemakmuran masjid al-hidayah periode tahun 2017. *Kreatif: Jurnal Ilmiah Prodi Manajemen Universitas Pamulang*, 6(4), 41–51.
- Wahab, N. A. A., Hamid, N. A., & Man, N. C. (2017). Pemerkasaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari. *E-Academia Journal*, 5(2).
- Warsino, W. (2018). Algoritma C4. 5 Untuk Mengetahui Kepuasan Jamaah Masjid Darul Hijrah Terhadap Program Dan Fasilitas Dkm. *Santika: Jurnal Ilmiah Sains Dan Teknologi*, 8(1), 665–672.